



ABIDIN (ketiga dari kiri) diiringi Sabin (kedua dari kiri) ketika melancarkan sistem parkir tersebut.

DBKK lancar aplikasi sistem parkir digital

Nora Ahmad

KOTA KINABALU: Sistem parkir digital yang diperkenalkan Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) melalui aplikasi Sabah Smart Parking kini sudah boleh digunakan orang ramai berkuatkuasa Rabu di 47 kawasan sekitar Kota Kinabalu.

Langkah pendigitalan melalui sistem parkir itu adalah sebagai salah satu inisiatif untuk meningkatkan kecekapan pengurusan bandar di negeri ini.

Pembantu Menteri kepada Ketua Menteri Datuk Abidin Madingkir turut berkata, pelaksanaan sistem parkir itu juga adalah bagi menyahut seruan Kerajaan Sabah dalam membudayakan atau menuju ke arah pembangunan digital dalam setiap perkhidmatan.

Menurutnya, perubahan daripada sistem letak kereta berkupon kepada penggunaan sistem letak kereta digital adalah salah satu pencapaian yang harus dibanggakan.

"Melalui penggunaan teknologi ini, orang ramai dapat mencari dan membayar tempat letak kereta secara digital, sekali gus menjadikan proses perkhidmatan lebih pantas dan mesra pengguna."

"Pendekatan ini bukan sahaja mengurangkan kesesakan dan penggunaan tunai, malah membantu meningkatkan daya saing negeri dalam era ekonomi digital, selari dengan visi Sabah ke arah menjadi negeri yang lebih pintar dan berinovasi," katanya dalam sidang akhbar selepas melancarkan Sabah Smart Parking

di sini, pada Rabu.

Abidin sebagai menteri bertanggungjawab terhadap DBKK turut berkata, penggunaan sistem parkir ini tidak terhad kepada pengguna di sekitar Kota Kinabalu sahaja.

"Pengunjung dari daerah lain juga perlu memuat turun aplikasi ini untuk memudahkan mereka jika berada di sekitar Kota Kinabalu."

"Begitu juga pengunjung dari Brunei, Sarawak dan juga negeri lain, di mana kita tahu Sabah ini menjadi tumpuan pelancong," katanya.

Sementara itu, Mayor Kota Kinabalu, Datuk Seri Sabin Samitah berkata, sistem parkir kupon masih boleh digunakan sehingga kupon pengguna habis.

"Bagaimanapun, kupon parkir tidak dijual lagi sebaliknya bagi mereka yang mempunyai masalah atau sukar untuk menggunakan sistem aplikasi ini, kita menyediakan kaunter maklumat untuk membantu orang ramai mengenainya," katanya.

Dalam pada itu, Sabin turut memaklumkan bahawa pelaksanaan sistem parkir digital tersebut tidak menjelaskan kakitangan terlibat.

"Tidak ada apa-apa pemberhentian pekerja sebab aplikasi ini mereka masih perlu melakukan pemeriksaan untuk membuat imbasan pada kenderaan yang diletakkan di sekitar bandar raya ini," katanya.